



Headline: Suri rumah rugi RM75,000 ditipu individu Language: Malay
menyamar pegawai polis

Publication/Portal: Sinar Harian

Section: Nasional

Date: 23 August 2020

Page: 37

Suri rumah rugi RM75,000 ditipu individu menyamar pegawai polis

KUANTAN - Seorang suri rumah kerugian RM75,000 akibat ditipu oleh dua individu yang menyamar sebagai kakitangan pos laju dan polis.

Mangsa berusia 59 tahun itu diperdaya kononnya terlibat dalam kes pengubahan wang haram sehingga mendorongnya membuat bayaran seperti diarahkan bagi mengelak ditangkap.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa terjerat perangkap *scammer* itu selepas menerima panggilan daripada seorang lelaki yang menyamar sebagai kakitangan pos laju pada 17 Julai lalu.

Menurutnya, mangsa dimaklumkan berhubung bungkusan atas namanya yang dikirim ke Sabah dan mengandungi kad pengenalan serta kad bank yang mencurigakan.

“Mangsa menafikan kaitannya dengan bungkusan

tersebut sebelum panggilan disambung kepada seorang anggota polis berpangkat sarjan dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah untuk semakan.

“Anggota polis terbabit mendakwa mangsa dikehendaki kerana terlibat dengan kes pengubahan wang haram dan dirujuk kepada pegawai polis berpangkat inspektor untuk tindakan selanjutnya,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd Wazir berkata, pegawai polis berkenaan yang menggunakan nama Inspektor Fauzi mengarahkan mangsa membuat bayaran dalam jumlah yang ditetapkan bagi mengelak ditangkap.

“Bimbang dikenakan tindakan undang-undang, mangsa akur dengan arahan itu apabila membuat 15 transaksi bayaran dengan jumlah keseluruhan RM75,000 ke tiga akaun bank atas nama individu berbeza pada 27 Julai lalu,” katanya.